

**TEKS UCAPAN
PRESIDEN ANGKASA
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH**

**KOLOKIUM PENYELIDIKAN ANGKASA
1 APRIL 2024 (ISNIN) / 8.30 PAGI
DEWAN DATO' MOHD ALI BAHAROM**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh
Salam Sejahtera dan Salam
Perpaduan

Datuk Hj. Mohamad Ali Hasan
Anggota Lembaga ANGKASA

Dato' Hj. Mohd Alias Hamzah
Pengerusi JPAN Selangor

Datuk Ahmad Jamil Hashim

Penasihat Korporat (Sektor Kerajaan)
ANGKASA

Dato' Hj. Abdullah Hj. Jusoh

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA

En. Halim Hj. Ibrahim

Pengurus Besar Bahagian Komunikasi
Korporat

Merangkap Pegawai Khas Presiden
ANGKASA

(Menjalankan fungsi Pengurus Besar
Kanan Kumpulan Perhubungan
Strategik)

Prof. Dr. Roselina Binti Ahmad Saufi

Malaysian Graduate School of
Entrepreneurship and Business

Universiti Malaysia Kelantan

Professor Dr. Siti Halijah Shariff

Arshad Ayub Graduate Business School
Universiti Teknologi MARA

Dr. Noraini Mohamad

Pengurus Besar Bahagian Hal Ehwal
Antarabangsa, Penyelidikan dan
Pembangunan / AURA

Hadirin Hadirat Sekalian,

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadirat Allah SWT yang telah memberi peluang kepada kita untuk berkumpul dalam Program Kolokium Penyelidikan ANGKASA yang julung kali diadakan. Semoga program kita pada hari

mendapat keberkatan dan sentiasa dalam lindunganNya. InsyaAllah.

2. Tujuan kita berkumpul pada hari ini adalah merayakan satu lagi peristiwa penting perjalanan ANGKASA dalam bidang penyelidikan dan inovasi melalui Program Pembentangan Kolokium Penyelidikan yang dianjurkan oleh Seksyen Penyelidikan dan Pembangunan.

3. Pertemuan yang diadakan pada hari ini bukan sekadar sebuah platform bagi para penyelidik untuk berkongsi ilmu dan hasil penyelidikan yang sedang dijalankan, tetapi juga menunjukkan komitmen bagi mempromosi kepentingan

penyelidikan dan inovasi demi pembangunan berterusan gerakan

koperasi dalam memberi sumbangan yang lebih luas kepada ekonomi negara.

Hadirin Hadirat Sekalian,

4. Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) adalah nadi yang mengangkat inovasi dan kemajuan dalam sesebuah organisasi. Dalam konteks ANGKASA sendiri, kepentingan R&D

tidak dapat dinafikan dalam usahanya memainkan peranan dan tanggungjawabnya merangsang dan membangunkan perniagaan koperasi.

5. Organisasi yang tidak menyesuaikan diri dengan berinovasi pasti akan ketinggalan dan ANGKASA, sebagai badan puncak kepada lebih 15000 buah koperasi di seluruh negara amat memahami kepentingan R&D

dijalankan bagi memastikan gerakan ini sentiasa bergerak mampan dan berdaya maju.

6. Menerusi transformasi yang dijalankan oleh ANGKASA, Seksyen R&D telah ditubuhkan bagi memastikan ANGKASA dapat menyesuaikan diri terhadap perubahan yang berlaku dalam landskap ekonomi khususnya

membantu koperasi terlibat dalam sektor perniagaan berimpak tinggi.

7. Usaha penyelidikan mempunyai peranan penting dalam menilai keberkesanan projek yang sedang

dijalankan. Ini sebagai langkah proaktif ANGKASA untuk mengenal pasti bidang yang memerlukan penambahbaikan dan mencari cara

baharu meningkatkan keberkesanan dan kecekapan sesebuah projek.

8. Penyelidikan turut membuka ruang bagi ANGKASA untuk meneroka pasaran luar negara, dengan mengambil kira arah aliran dan pasaran di peringkat global. Menerusi R&D, kita boleh mengenalpasti permintaan pasaran antarabangsa

dan menyesuaikan strategi untuk memenuhi keperluan tersebut.

Hadirin Hadirat Sekalian,

9. Gerakan koperasi harus sentiasa peka dengan dinamik pasaran dan keperluan pengguna. Melalui usaha penyelidikan kita dapat mengkaji

strategi yang harus dilakukan agar produk dan perkhidmatan yang kita tawarkan relevan dengan pasaran semasa dan juga pada masa akan datang.

10. Dalam konteks yang lebih luas, sektor koperasi berdiri sebagai sektor ketiga ekonomi kita, di samping sektor awam dan swasta. Oleh itu, adalah penting bagi koperasi mempunyai

kepakaran dalam penyelidikan produk supaya hasil pengeluaran adalah setanding dengan apa yang ditawarkan oleh pihak lain di luar sana.

11. Melalui penyelidikan yang terperinci, kita boleh memberi satu tambah nilai kepada produk dan perkhidmatan ditawarkan, yang bukan sahaja meningkatkan

keuntungan tetapi juga berkongsinya secara adil dengan semua ahli-ahli ANGKASA. Seperti contoh inisiatif Projek Barang Asas 100 (BA100) yang diterajui oleh ANGKASA di mana kita tawarkan kepada koperasi untuk perluas perniagaan mereka bagi turut terlibat dalam sektor pemborongan dan peruncitan. Ini merupakan salah satu cabang yang ANGKASA telah

fikirkan bagi membantu koperasi meningkatkan lagi perolehan mereka.

Hadirin Hadirat Sekalian,

12. Bagi mengakhiri ucapan, saya menyeru kepada semua untuk melibatkan diri secara aktif dalam sesi Kolokium Penyelidikan ini, berkongsi pandangan, bertanya

soalan, dan bekerjasama dalam merangka masa depan yang cerah untuk ANGKASA dan Gerakan Koperasi. Melalui kebersamaan ini kita mampu mencipta inovasi yang

bakal membawa perubahan positif kepada masyarakat kita.

13. Dengan ini, saya akhiri dengan ucapan terima kasih kepada semua

pihak yang komited memberi sumbangan dalam bentuk usaha penyelidikan dan kajian bagi usaha

berterusan pembangunan gerakan koperasi.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.